

BAHASA MALAYSIA DALAM KITAB INJIL TAK DIBANTAH PADA DASARNYA

KUALA LUMPUR 24 Sept.

— Kerajaan pada hakikatnya tidak membantah penggunaan bahasa Malaysia dalam kitab Injil untuk mengajar agama Kristian di gereja seperti yang berlaku di Saban, kata Perdana Menteri hari ini. Beliau bagaimanapun menegaskan bahawa kerajaan melarang penggunaan beberapa perkataan yang boleh mengelirukan masyarakat. Menurutnya, terdapat sekurang - kurangnya enam perkataan yang digunakan yang boleh mengelirukan masyarakat seperti Allah bagi Tuhan dan solat bagi sembahyang yang pada asasnya hanya digunakan dalam ajaran agama Islam. Ini menyebabkan masyarakat meminta kerajaan menghalangi kegiatan itu, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kepada para pemberita selepas majlis pelancaran buku Usman Awang di sini hari ini.

Beliau menambah, mungkin ada pihak - pihak yang tidak begitu senang dengan penggunaan bahasa Malaysia dalam kitab Injil, tetapi kerajaan tidak menghalangnya.

Mengenai sikap orang - orang tertentu yang suka menjadikan bahasa sebagai isu politik beliau berkata sikap sedemikian memang berlaku tetapi di kalangan segolongan orang sahaja "Kalau diperhatikan, hasrat kita untuk mengembangkan bahasa kebangsaan sudah banyak tercabai bahkan di kalangan bukan Melayuan

pengusaannya sudah meningkat cukup tinggi.

"Kita tengok pertandingan ucapan di sekolah - sekolah rendah Cina, pencapaiannya amat menggalakkan," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, sementara orang - orang politik sahaja membangkitkan isu ini, orang bukan politik yang tidak mempunyai tujuan untuk mencari populariti tidak akan menimbulkan soal bahasa.

"Saya fikir sama ada kita Melayu atau bukan Melayu tidak perlu lagi timbulkan soal bahasa."

"Kita tak larang orang menguasai bahasa ibunda atau bahasa lain tapi mereka mesti menguasai bahasa kebangsaan," tegasnya.

Katanya, kerajaan tidak boleh menyekat orang politik menjadikannya isu tetapi yakin bahawa lama -

kelamaan penggunaan bahasa kebangsaan akan terus digunakan.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga menarik perhatian terhadap perkembangan akhbar - akhbar bahasa Malaysia sebagai bukti bahawa sebilangan besar rakyat di negara ini sudah boleh menguasai bahasa tersebut. Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak perlu lagi mendesak sesiapa mempelajari bahasa Malaysia kerana semua pihak memahami bahawa bahasa tersebut adalah penting.

Saya terbaca dalam majalah Asia Week baru-baru ini bahawa akhbar - akhbar berbahasa Cina semakin merosot sedangkan akhbar bahasa Malaysia berkembang.

Ini kerana orang nak baca dan mereka baca kerana sudah belajar bahasa Malaysia.